

02 SEP 1998

KERAJAAN-LANGKAH-LANGKAH/I

RIZAB KERAJAAN DIJANGKA MENINGKAT DENGAN LANGKAH-LANGKAH BARU

Oleh: Azlina Aziz

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Rizab kerajaan dijangka meningkat manakala ekonomi akan terus kukuh dan bertahan terhadap kejutan luar dengan langkah-langkah pengawalan pertukaran asing baru yang diumumkan oleh Bank Negara.

Penganalisis dan pakar ekonomi menyatakan sekatan dagangan ke atas ringgit di luar pasaran Malaysia akan memulihkan ringgit dan menstabilkan ekonomi yang sejak setahun lalu terdedah kepada serangan spekulatif yang hebat.

Malahan sebelum ditetapkan pada 3.80 bagi ringgit berbanding dolar Amerika seperti yang diumumkan hari ini, ia telah mula meningkat manakala pasaran saham melonjak sebanyak 12.1 peratus hari ini, dengan menyatakan masih terdapat harapan bagi pemulihan ekonomi Malaysia.

Dengan menggambarkannya sebagai satu langkah baik ke arah kestabilan dan keyakinan di kalangan pelabur asing, seorang pakar ekonomi yang dihubungi di sini hari ini melahirkan kebimbangan bahawa "jika kerajaan menetapkan kadar ringgit, ia memerlukan sejumlah besar rizab untuk menyokongnya dalam tempoh jangka panjang.

"Masalahnya di Malaysia, kita tidak tahu sebanyak mana jumlah wang dalam edaran dan jumlah sebenar rizab yang kita perlukan untuk menyokong matawang kita sebaik sahaja ia ditetapkan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menjelaskan langkah-langkah itu semalam, memberi jaminan kerajaan mempunyai beberapa simpanan dan sedang menambahkannya, sejajar dengan kemasukan ringgit daripada luar pesisir.

Sementara itu, penganalisis perbankan TA Securities Sdn Bhd, Chie King Ngu yang bersetuju dengan langkah kerajaan menyatakan sejak setahun lalu, ringgit berdepan dengan kemudahrupan yang sangat besar.

Ia telah beralih daripada paras terendah pada 4.80 Januari tahun ini dan terapung antara paras 4.20 dan 3.90 sejak dua dan tiga bulan kebelakangan ini.

"Sejak setahun lalu, dengan kemudahrupan yang dilihat dalam ringgit, kebanyakan pelabur enggan melabur di sini kerana mereka tidak mengetahui mereka berurusan dengan kadar jenis apa dan ia sangat berisiko," katanya.

Mengenai bagaimana penetapan ringgit boleh membantu mengekalkan kadar faedah rendah, beliau berkata sebaik sahaja ringgit dibawa ke Malaysia, "kita akan mampu mengasingkan diri kita daripada faktor-faktor luar dan apa juga yang kita lakukan kepada kadar faedah kita, ia tidak akan memberi kesan ke atas kadar pertukaran."

Ketika ini, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Klibor) bagi wang tiga bulan berada pada 9.5 peratus manakala Kadar Asas Pinjaman (BLR) pada 10.3 peratus.

Chie juga menyatakan langkah-langkah yang diambil itu bertepatan dengan masa terutama ketika tempoh-tempoh luar biasa seperti sekarang.

-- BERNAMA

AA ZK OS